

Talian hayat terakhir untuk Najib

Utm - 9/12/2021 m/s: 7

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusan.news@mediamulia.com.my

KRONOLOGI RAYUAN DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK

PUTRAJAYA: Mahkamah Persekutuan bakal menjadi 'talian hayat' terakhir bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk bebas daripada kesalahan membabitkan penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn. Bhd.

Sekiranya gagal, di peringkat akhir itu, Najib juga akan hilang kelayakan sebagai Ahli Parlimen Pekan.

Beliau juga akan mencatat sejarah Perdana Menteri yang pertama dipenjarakan atas kesalahan tersebut, sekiranya rayuan terakhirnya juga gagal.

Terdahulu, Mahkamah Rayuan sebulat suara mengekalkan sabitan salah terhadap Najib atas tujuh pertuduhan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 28 Julai lalu.

Tujuh pertuduhan yang dikenakan terhadap Najib membabitkan tiga pertuduhan pecah amanah jenayah, tiga pertuduhan pengubahan wang haram dan satu pertuduhan menyalahgunakan kuasa melibatkan anak syarikat 1Malaysia Development Bhd. (1MDB).

Panel tiga hakim yang diketuai Datuk Abdul Karim Abdul Jalil dan bersidang bersama-sama Datuk Has Zanah Mehat dan Datuk Vazeer Alam Mydin Meera dalam penghakiman ringkas mereka setebal 54 muka surat menyatakan mereka bersetuju dapatan hakim bicara semua elemen yang menunjukkan berlakunya pecah amanah.

"Bukti jelas menunjukkan perayu telah menyalahguna wang sebanyak RM42 juta yang merupakan subjek utama dalam tuduhan pecah amanah. Kami juga mendapati tiada sebarang alasan yang boleh digunakan untuk memberikan keputusan yang berbeza dengan hakim bicara bahawa wang yang telah digunakan perayu untuk kepentingan peribadi adalah milik SRC International," katanya.

Merujuk kepada dakwaan wang yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi Najib adalah wang sumbangan keluarga diraja Arab, Mahkamah Rayuan menyatakan ia hanyalah rekaan.

"Pertama sekali, bukti jelas menunjukkan dana yang diseleweng datang daripada SRC International dan masuk ke

28 Julai 2020

- Keputusan kes penyelewengan dana SRC International berjumlah RM42 juta. Najib berhadapan hukuman penjara, sebat dan denda. Namun atas faktor usia, Najib tidak akan dikenakan hukuman sebatan.

30 Julai 2020


- Pasukan pembelaan Najib memfailkan notis rayuan.

19 Oktober 2021

- Pasukan pembelaan memfailkan petisyen rayuan dengan mengemukakan 307 alasan kenapa Najib tidak sepatutnya didapati bersalah.

5 April 2021

- Rayuan Najib terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mula didengar oleh panel tiga hakim yang diketuai Datuk Abdul Karim Abdul Jalil yang bersidang bersama Datuk Has Zanah Mehat dan Datuk Vazeer Alam Mydin Meera.



18 Mei 2021

- Mahkamah Rayuan tamat mendengar rayuan pihak pembelaan dan pendakwaan selepas 15 hari.

23 November 2021

- Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Istana Kehakiman Putrajaya mengeluarkan kenyataan bahawa Mahkamah Rayuan akan membuat keputusan berhubung rayuan Najib.

23 November 2021

- Pasukan pembelaan Najib memohon agar tarikh keputusan itu diubah ke tarikh baharu atas alasan Najib baru pulang dari Singapura dan perlu menjalani kuarantin.

24 November 2021

- Pejabat Pendaftar Mahkamah Rayuan tidak membenarkan permohonan pasukan pembelaan Najib untuk menangguhkan tarikh keputusan rayuan itu sebaliknya mengarahkan semua pihak yang terlibat dalam rayuan itu untuk hadir pada prosiding sebagaimana ditetapkan.

7 Disember

- Pendengaran permohonan Najib untuk memasukkan bukti dan keterangan baharu. Permohonan tersebut bagaimanapun ditolak oleh Mahkamah Rayuan atas alasan ia bukanlah satu keterangan yang diperlukan dan relevan.

8 Disember

- Keputusan rayuan Najib atas sabitan salah dan hukuman penjara 12 tahun serta denda RM210 juta di Mahkamah Rayuan, Putrajaya.

dalam akaun peribadi perayu. Jika benar ia adalah sumbangan keluarga diraja Arab, kenapa ia perlu dimasukkan ke dalam akaun SRC International yang merupakan syarikat dimiliki Kementerian Kewangan.

"Kedua, dakwaan wang derma keluarga diraja Arab itu berlaku sekitar 2013 iaitu sebelum wang RM42 juta tersebut didepositkan ke dalam akaun Najib. Ketiga, wang sebanyak RM49 juta (termasuk RM5 juta yang tidak berkaitan dengan derma tersebut) telah hampir digunakan sepenuhnya sebelum wang RM42 juta dimasukkan ke dalam akaun peribadi perayu.

"Bukti menunjukkan di antara tahun 2014 hingga 2015, sebanyak RM136 juta telah digunakan oleh perayu walaupun beliau mempercayai RM49 juta



SEBAHAGIAN petugas media yang membuat liputan di Mahkamah Rayuan di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA.

adalah sumbangan keluarga diraja Arab," kata Hakim Abdul Karim.

Selain itu, Mahkamah Rayuan dalam penghakimannya menyatakan, dana SRC International digunakan untuk kepentingan peribadi sama ada secara langsung atau tidak dan dalam satu keadaan digunakan untuk karier politik perayu.

Berhubung rayuan Najib berkaitan hukuman penjara dan denda, Mahkamah Rayuan menyatakan hakim bicara tidak terkhilaf apabila menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta tersebut.

"Mahkamah Rayuan tidak akan mengganggu budi bicara hakim bicara dalam menjatuhkan hukuman melainkan keputusan yang dibuat jelas bertentangan dengan prinsip atau hukuman yang dikenakan tidak berpadanan atau melampau.

"Keseluruhannya, kami dapati hakim bicara tidak terkhilaf apabila menjatuhkan hukuman itu atau terdapat kesalahan dalam menilai fakta yang dikemukakan terhadapnya. Kami dapati hakim bicara telah mengambil pertimbangan sepatutnya dengan mengambil kira semua faktor yang relevan.

"Berdasarkan fakta yang tedikemukakan, kami tidak mendapati hukuman yang dikenakan adalah melampau. Tempoh pemenjaraan dan denda yang dikenakan adalah sesuai dan menggambarkan keseriusan jenayah yang dilakukan," katanya.

Mahkamah Tinggi sebelum ini menjatuhkan hukuman penjara 10 tahun masing-masing bagi tiga tuduhan pecah amanah.

Hakim Mohd. Nazlan turut menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta bagi satu tuduhan menyalahgunakan kedudukan.

Bagi kesalahan membabitkan tiga pertuduhan pengubahan wang haram, Najib dikenakan hukuman penjara 10 tahun bagi setiap pertuduhan.

Mahkamah Tinggi turut memerintahkan hukuman penjara terhadap Najib ditambah lima tahun lagi sekiranya gagal membayar denda tersebut.

Walaupun hukuman penjara itu berjumlah 72 tahun, hakim bagaimanapun memerintahkan semua hukuman penjara berjalan serentak. Ini bermakna Najib hanya perlu menjalani hukuman penjara 12 tahun.